

Syarat Kelayakan & Prosedur Permohonan Pelekat Kenderaan Pegawai KUIS

Berikut adalah syarat kelayakan dan kadar harga untuk pelekat kenderaan bagi tahun 2021 seperti jadual di bawah:

Kategori	Kelayakan	Kereta	Motosikal
Pegawai (Akademik/Pentadbiran)	4 unit	RM5.00/Unit	RM5.00/Unit
Pelajar	1 unit	RM5.00/Unit	RM5.00/Unit
Agensi	1 unit	RM10.00/Unit	RM10.00/Unit

☛ Pelekat Kereta/Motosikal (Pegawai)

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa pendaftaran pelekat kenderaan pegawai untuk tahun 2021 akan dibuka untuk permohonan bermula pada 22hb. Disember 2020.

Selepas tarikh kuatkuasa pelekat kenderaan bermula, permohonan pelekat akan dibuka sepanjang tahun 2021.

Pengambilan Pelekat: Januari 2021

Hari/Masa Kaunter: Isnin-Jumaat, 9:00 pagi-04:30 petang

Tarikh Kuatkuasa Pelekat: Februari 2021

Pegawai boleh mengambil pelekat kenderaan di pejabat Bahagian Keselamatan KUIS dengan membawa kad pegawai/kad pengenalan sebagai rujukan.

Hanya pemohon sahaja yang dibenarkan untuk mengambil pelekat yang dibeli bagi mengelak kehilangan. Sekiranya menggunakan orang lain (wakil) untuk mengambil pelekat kenderaan, wakil hendaklah mengisi borang pengesahan yang disediakan di Bahagian Keselamatan sebagai bukti penerimaan.

Prosedur Pendaftaran Kenderaan Pegawai

1. Seorang pegawai dibenarkan mendaftar empat (4) kenderaan atau lebih atas budi bicara Ketua, Bahagian Keselamatan (jika perlu).
2. Setiap kenderaan untuk satu (1) borang berlainan beserta dokumen sokongan.
3. Pemohon dan pemilik pelekat mestilah orang yang sama bukan individu berbeza.
4. Semasa membeli pelekat kenderaan pegawai dikehendaki membawa:
 - a. Borang permohonan (BK/01/PINDAAN-02/2021) yang lengkap beserta bayaran
 - b. Salinan Lesen yang masih sah digunakan
 - c. Salinan Kad Pegawai/Pasport (jika bukan warganegara)
5. Bahagian Keselamatan berhak untuk tidak mengeluarkan pelekat kenderaan jika permohonan tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat.